



جَابَاتَانِ اِغَامَا اِسْلَامِ سِلَانْغُورِ  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

# **GARIS PANDUAN**

---

**Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas  
Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa  
Kariah Bagi Masjid Di Negeri Selangor  
&  
Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid  
dan Surau Negeri Selangor**



## Ucapan Alu-aluan

Assalamualaikum wr. wbt.

Setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah inayah dan IzinNya, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah berjaya menyusun dan mengemaskini Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Bagi Kariah Masjid di Negeri Selangor dan Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor.

Garis Panduan yang lebih lengkap, mudah dirujuk dan difahami ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada MAIS, JAIS dan seluruh Anggota Jawatankuasa Kariah Masjid di Negeri Selangor dalam melaksanakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah yang baru bagi masjid- masjid di Negeri Selangor setiap tiga tahun.

Semoga Garis Panduan ini akan membantu semua pihak untuk memilih dan mencalonkan individu yang berkelayakan dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk mentadbir masjid dan surau di Negeri Selangor demi merealisasikan masjid sebagai “Pusat Transformasi dan Penyatuan Ummah” dan “Masjid Jantung Pembangunan Ummah” seperti yang diharapkan.

Wassalam

DATO' BAKHTIAR BIN HUSSIN  
Setiausaha,  
Majlis Agama Islam Selangor



<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>M/S</b>
1	Ucapan Aluan	1
2	Isi Kandungan	2
3	<b>GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH MASJID NEGERI SELANGOR</b>	4
	1) Nama, Pemakaian, latar Belakang dan Tujuan	5
	2) Bahagian A: Kelayakan Calon Anggota Jawatankuasa Kariah <ul style="list-style-type: none"><li>i. Kelayakan Pencalonan Pegawai Masjid</li><li>ii. Kelayakan Bagi Pemilihan Anggota Jawatankuasa</li></ul>	7
	3) Bahagian B: Tatacara Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah <ul style="list-style-type: none"><li>i. Arahan Majlis Agama Islam Selangor</li><li>ii. Taklimat Khas</li><li>iii. Persediaan Bagi Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas</li><li>iv. Notis dan Pemakluman Mesyuarat</li><li>v. Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan</li><li>vi. Tindakan Pasca Mesyuarat</li></ul>	12
	4) Bahagian C: Proses Semakan dan Tapisan <ul style="list-style-type: none"><li>i. Penerimaan Dokumen Mesyuarat Agung Khas</li><li>ii. Temuduga</li><li>iii. Mesyuarat Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah</li></ul>	18
	5) Bahagian D: Proses Pelantikan <ul style="list-style-type: none"><li>i. Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor</li><li>ii. Tempoh Lantikan</li></ul>	20



	iii. Tauliah dan Lantikan iv. Pengisytiharan Pelantikan v. Serah tugas	
	<b>6) Bahagian E: Pelbagai</b>	22
	i. Pengecualian	
	ii. Pemansuhan	
	iii. Tarikh Kuatkuasa	
	<b>7) Lampiran: Borang- Borang</b>	24
	i. Borang Pencalonan Pegawai Masjid	26
	ii. Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Masjid	29
	iii. Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Oleh Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah	32
	iv. Senarai Pelantikan Anggota Jawatankuasa Kariah	
<b>4</b>	<b>GARIS PANDUAN PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR</b>	34
	<b>1) Nama, Pemakaian, Latar Belakang, dan Tujuan</b>	35
	<b>2) Penetapan Ahli Kariah</b>	36
	i. Syarat Ahli Kariah Yang Layak berdaftar	
	ii. Penetapan Sempadan Kariah Antara Masjid dan Antara Surau	
	iii. Peranan Jawatankuasa Masjid dan Surau	
	iv. Kaedah Pendaftaran Ahli Kariah	
	v. Bantahan/ Aduan/ Keciciran	
	vi. Lucut Keahlian Ahli Kariah	
	<b>3) Tarikh Kuat Kuasa</b>	41
	<b>4) Pemansuhan</b>	41
	<b>5) Borang Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor</b>	42



# GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH BAGI MASJID DI NEGERI SELANGOR



# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH BAGI MASJID DI NEGERI SELANGOR**

## **1. NAMA**

Garis Panduan ini bolehlah dinamakan Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Bagi Masjid di Negeri Selangor.

## **2. PEMAKAIAN**

Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada semua masjid di Negeri Selangor kecuali masjid yang diwartakan di bawah seksyen 105 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 ("EPAINS") dalam melaksanakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah.

## **3. LATAR BELAKANG**

3.1 Pada Mac 2017, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah memperkenankan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017 bagi menggantikan Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995. Peraturan-peraturan ini telah diwartakan pada 16 Mac 2017 dan hendaklah digunapakai oleh seluruh Jawatankuasa Masjid dan Surau di Negeri Selangor sebagai panduan dan rujukan dalam mentadbir, mengurus dan mengimarahkan masjid dan surau.

3.2 Garis Panduan ini diwujudkan selaras dengan penguatkuasaan Peraturan - Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017.



- 3.3 Garis Panduan ini adalah sebagai rujukan dan panduan kepada pegawai Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan pihak masjid bagi memastikan proses pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dapat dijalankan secara telus dan lancar.
- 3.4 Garis panduan ini terbahagi kepada 5 bahagian iaitu :
- Bahagian A: Kelayakan calon Anggota Jawatankuasa Kariah.
  - Bahagian B: Tatacara pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah.
  - Bahagian C: Proses semakan dan tapisan.
  - Bahagian D: Proses pelantikan.
  - Bahagian E: Pelbagai.
- 3.5 Garis Panduan ini telah dibangunkan dengan kerjasama pihak Kamar Penasihat Undang- Undang Negeri Selangor, Bahagian Undang- Undang MAIS dan Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS.
- 3.6 Garis Panduan ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor Bil. 2 /2018 yang bersidang pada 28 Jun 2018. Seterusnya, Garis Panduan ini juga telah diluluskan oleh Mesyuarat MAIS Bil. 4/2018 yang bersidang pada 10 Julai 2018.

#### 4. TUJUAN

Garis Panduan ini diwujudkan untuk melaksanakan kehendak—

- a. Seksyen 100, 103 dan 104 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;



- b. Peraturan 3, 4 dan 5 Bahagian II Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017, berhubung pelantikan Pegawai Masjid.
- c. Peraturan 14, 15, 16 dan 17 Bahagian III Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017 berhubung pelantikan Jawatankuasa Kariah..

## **BAHAGIAN A**

### **KELAYAKAN CALON ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH**

#### **5. KELAYAKAN PENCALONAN PEGAWAI MASJID**

5.1 Calon yang dinamakan hendaklah memenuhi syarat-syarat kelayakan umum yang dinyatakan dalam Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017, iaitu:

- i. berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak lebih daripada 65 tahun;
- ii. beragama Islam, warganegara Malaysia dan tinggal bermastautin atau bermukim serta berdaftar sebagai ahli kariah dalam kariah masjid itu;
- iii. berpegang dan beramal dengan ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah dari segi akidah, Syariah dan akhlak;
- iv. mempunyai pengetahuan agama Islam merangkumi asas fardu ain yang kukuh, berakhlak mulia dan melibatkan diri dalam aktiviti masjid atau surau;
- v. boleh membaca, menulis dan mengira;
- vi. sihat tubuh badan dan mental;





- vii. mempunyai daya kepimpinan;
  - viii. beraku janji mematuhi undang-undang, fatwa dan garis panduan berkaitan dengan pengurusan masjid;
  - ix. sentiasa menjalin hubungan baik dengan ahli kariah.
  - x. tidak memegang mana-mana jawatan Pegawai Masjid dan menjadi anggota Jawatankuasa Kariah di masjid yang lain pada masa pencalonan;
  - xi. tidak disabitkan dengan kesalahan jenayah dalam mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah;
  - xii. pelantikannya sebagai Pegawai Masjid dalam sesi pelantikan sebelumnya tidak ditamatkan atau dibatalkan oleh MAIS;
  - xiii. tidak diisytiharkan bankrap yang belum dilepaskan;
  - xiv. tidak menjadi Penasihat bagi tiap-tiap masjid dalam mukim dan kampung yang berkenaan pada masa pencalonan.
  - xv. tidak meletakkan jawatan sebagai Pegawai Masjid tanpa alasan yang munasabah dalam sesi pelantikan sebelum pencalonan dibuat.
- 5.2 Berdasarkan peraturan 4(3) Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017, kelayakan tambahan calon Pegawai Masjid adalah seperti berikut:



### 5.2.1 Calon Nazir

- (a) memiliki pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran;
- (b) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Menengah Agama (SMA) atau yang setaraf dengannya;
- (c) berkeupayaan memberikan nasihat dan bimbingan kepada jawatankuasa dan ahli kariah; dan
- (d) berkeupayaan mengimamkan sembahyang, menyampaikan khutbah dan memimpin majlis tahlil.

### 5.2.2 Calon Imam

- (a) mahir dalam bacaan al-Quran dan menghafaz beberapa surah dalam al-Quran;
- (b) berkeupayaan menyampaikan khutbah dengan baik;
- (c) memiliki Sijil Menengah Agama (SMA) / Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) / Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / 4 Thanawi / Sijil Tahfiz atau lain-lain sijil berkaitan dengan pendidikan Islam;
- (d) calon yang tidak memiliki mana-mana sijil seperti yang dinyatakan di perenggan (c) boleh dipertimbangkan sekiranya berkeupayaan mengetuai urusan fardu ain dan fardu kifayah; dan
- (e) tidak merokok.



### 5.2.3 Calon Bilal

- (a) mempunyai ilmu asas taranum;
- (b) memiliki pengalaman dan kemahiran sebagai *muazzin*;
- (c) mempunyai suara yang jelas dan lantang; dan
- (d) mengetahui urusan fardu ain dan fardu kifayah.

### 5.2.4 Calon Siak

- (a) memiliki kemahiran dalam melaksanakan tugas-tugas siak yang merangkumi pembersihan dan keselamatan kawasan masjid.

## 6. KELAYAKAN BAGI PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA MASJID

### 6.1 Kelayakan Umum

Kelayakan umum bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Masjid adalah sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 5.1 Garis Panduan ini.

### 6.2 Kelayakan Tambahan

#### 6.2.1 Timbalan Nazir

- (a) Memiliki pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran;
- (b) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau



Sijil Menengah Agama (SMA) atau yang setaraf dengannya;

- (c) Berkeupayaan memberikan nasihat dan bimbingan kepada jawatankuasa dan ahli kariah; dan
- (d) Berkeupayaan mengimamkan sembahyang, menyampaikan khutbah dan memimpin majlis tahlil.

### **6.2.2 Setiausaha**

- (a) Memiliki pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran; dan
- (b) Mempunyai pengetahuan asas pengendalian komputer.

### **6.2.3 Bendahari**

- (a) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau sijil-sijil yang berkaitan dengan bidang kewangan dan perakaunan;
- (b) Calon yang tidak memiliki mana-mana sijil seperti yang dinyatakan di perenggan (a) boleh dipertimbangkan sekiranya memiliki pengetahuan asas pengurusan kewangan dan perakaunan; dan
- (c) Mempunyai pengetahuan asas pengendalian komputer.



### **6.2.4 Pemeriksa Kira-Kira**

- (a) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau sijil-sijil yang berkaitan dengan bidang kewangan dan perakaunan; atau
- (b) Calon yang tidak memiliki mana-mana sijil seperti yang dinyatakan di perenggan (a) boleh dipertimbangkan sekiranya memiliki pengalaman atau berkemahiran dalam bidang pengurusan kewangan atau tugas-tugas pengauditan.

## **BAHAGIAN B**

### **TATACARA PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH**

#### **7. ARAHAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

Semua masjid hendaklah melaksanakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah pada bila-bila masa sebelum berakhirnya tempoh pelantikan Jawatankuasa Kariah sedia ada selepas menerima arahan MAIS .

#### **8. TAKLIMAT KHAS**

Satu sesi taklimat bagi memberi kefahaman terhadap pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah akan dilaksanakan di peringkat daerah oleh Bahagian Pengurusan Masjid kepada semua Pegawai Masjid.



## **9. PERSEDIAAN BAGI PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH**

Nazir hendaklah mengadakan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kariah bagi membincangkan persediaan bagi pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- (a) persempadanan kariah masjid yang telah diluluskan oleh MAIS;
- (b) pengemaskinian dan paparan daftar ahli kariah dengan merujuk Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor;
- (c) cadangan tarikh pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah;
- (d) penyampaian notis dan hebahan kepada ahli kariah;
- (e) pelantikan petugas mesyuarat.

## **10. PENYAMPAIAN NOTIS DAN HEBAHAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH**

10.1 Notis memanggil Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah disampaikan kepada ahli kariah melalui hebahan atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai seperti berikut:

- (a) Pemakluman sebelum atau selepas sembahyang Jumaat;



- (b) Kain rentang;
- (c) Risalah (flyers);
- (d) Media sosial; atau
- (e) Penghantaran notis dari rumah ke rumah.

10.2 Notis hendaklah dikeluarkan oleh Setiausaha Jawatankuasa Kariah sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah diadakan yang mengandungi tarikh, masa dan tempat mesyuarat.

10.3 Satu salinan notis Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah dihantar kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah yang berkenaan.

## **11. PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN**

11.1 Ahli kariah yang hadir di dalam Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah bermastautin atau bermukim dan berdaftar sebagai ahli kariah dalam kariah masjid tersebut.

11.2 Nazir hendaklah mempengerusikan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Jawatankuasa Kariah masjid itu, dan jika Nazir tidak hadir, Timbalan Nazir hendaklah mempengerusikan mesyuarat.

11.3 (a) Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya hendaklah menyelia pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah masjid itu.



(b) Dalam menyelia pelaksanaan mesyuarat, Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya boleh memberikan nasihat, pandangan dan kuasa untuk menangguhkan pelaksanaan mesyuarat jika jelas tidak mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

11.4 Empat puluh orang atau satu perempat daripada ahli kariah yang berdaftar dalam kariah masjid, mengikut mana-mana bilangan yang lebih rendah, hendaklah membentuk kuorum bagi Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah masjid itu.

11.5 Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah yang gagal membentuk kuorum hendaklah ditangguhkan dan suatu notis bagi Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah yang baru hendaklah dikeluarkan.

11.6 Sekiranya mesyuarat yang ditangguhkan masih gagal membentuk kuorum, mesyuarat itu hendaklah diteruskan dan dianggap sah.

11.7 Keputusan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah dibuat secara sebulat suara atau lebih suara ahli kariah berdaftar yang hadir.

11.8 Agenda mesyuarat adalah seperti yang berikut:

i. Bacaan surah al-Fatihah dan doa selamat;

ii. Ucapan Pengerusi;

iii. Taklimat khas tatacara pencalonan dan pemilihan oleh Pegawai JAIS;





- iv. Sesi pencalonan Pegawai Masjid;
- v. Sesi pemilihan anggota Jawatankuasa Masjid; dan
- vi. Penangguhan mesyuarat dengan bacaan surah al-Asr.

### **11.9 Pencalonan Pegawai Masjid**

Ahli kariah hendaklah mencalonkan sekurang-kurangnya 7 orang bagi jawatan yang berikut:

- i. Sekurang-kurangnya 1 orang calon Nazir;
- ii. Sekurang-kurangnya 2 orang calon Imam;
- iii. Sekurang-kurangnya 2 orang calon Bilal; dan
- iv. Sekurang-kurangnya 2 orang calon Siak.

### **11.10 Pemilihan Anggota Jawatankuasa Masjid**

Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah memilih anggota Jawatankuasa Masjid daripada senarai pencalonan ahli kariah seperti yang berikut:

- i. Seorang Timbalan Nazir;
- ii. Seorang Setiausaha;
- iii. Seorang Penolong Setiausaha;
- iv. Seorang Bendahari;
- v. Seorang Penolong Bendahari; dan
- vi. 9 orang Anggota Jawatankuasa yang terdiri



daripada :

- Seorang wakil pemuda;
- Seorang wakil muslimat;
- Seorang pengurus jenazah muslimat; dan
- 6 orang anggota yang lain.

### 11.11 Pemeriksa Kira-Kira

Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah memilih dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira bagi masjid tersebut yang akan dilantik oleh Majlis.

### 11.12 Kelayakan Pencalonan

11.12.1 Pencalonan untuk sesuatu nama hanya dibolehkan untuk **satu (1) jawatan sahaja**.

11.12.2 Mesyuarat boleh mempertimbang dan menerima sebarang pencalonan yang dibuat melalui surat wakil kuasa (*proxy*) bagi calon yang tidak hadir mesyuarat dengan alasan yang munasabah.

11.13 Setiausaha mesyuarat hendaklah mencatat semua perjalanan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah serta melengkapkan borang-borang seperti berikut :

- a) Borang Pencalonan Pegawai Masjid; dan
- b) Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Masjid.



## 12. TINDAKAN PASCA MESYUARAT

Nazir atau Setiausaha hendaklah **dalam tempoh 7 hari** selepas mesyuarat diadakan, menyerahkan kepada Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) Minit Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah;
- b) Borang Pencalonan Pegawai Masjid; dan
- c) Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Masjid.

## BAHAGIAN C

### PROSES SEMAKAN DAN TAPISAN

## 13. PENERIMAAN DOKUMEN MESYUARAT AGUNG KHAS

- 13.1 Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya hendaklah menerima, menyemak minit dan borang yang diserahkan.
- 13.2 Minit dan borang yang didapati tidak lengkap hendaklah dikembalikan semula kepada Nazir atau Setiausaha Jawatankuasa Kariah yang berkenaan untuk dilengkapkan.

## 14. TEMUDUGA

Majlis boleh mengadakan sesi temuduga di peringkat daerah oleh panel-panel yang dilantik oleh Setiausaha Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor bagi calon-calon Pegawai Masjid.



## 15. PANEL PENCALONAN DAN PEMILIHAN PERINGKAT DAERAH

### 15.1 Keanggotaan Panel

- a) Pengerusi :  
Yang Dihormati Orang Besar Daerah
- b) Timbalan Pengerusi :  
Pegawai Tadbir Agama Daerah
- c) Ahli :
  - i. Pegawai Daerah atau wakilnya;
  - ii. Ketua Polis Daerah atau wakilnya;
  - iii. Ketua Unit Dakwah Daerah;
  - iv. Ketua Unit Penguatkuasa Agama Daerah;
  - v. Pegawai MAIS di daerah yang berkenaan; dan
  - vi. Penghulu Mukim.
- d) Setiausaha :  
  
Ketua Unit Pengurusan Masjid di Pejabat Agama Islam Daerah yang berkenaan.

### 15.2 Fungsi Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah

- (a) Membuat semakan dan tapisan calon - calon Pegawai Masjid yang disenaraikan oleh Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah.
- (b) Merujuk keputusan penilaian temuduga oleh panel yang dilantik dalam pemilihan calon Pegawai Masjid.
- (c) Merujuk senarai peletakan jawatan Pegawai





Dan Jawatankuasa Masjid dengan meneliti sebab munasabah peletakan jawatan termasuk anggota jawatankuasa kariah yang telah dikenakan tindakan tatatertib.

- (d) Mencadangkan calon pengganti bagi calon pegawai yang didapati gugur kelayakan.
- (e) Mengesyorkan pelantikan Pegawai Masjid untuk pertimbangan Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor.
- (f) Menyemak senarai Anggota Jawatankuasa Masjid yang dipilih untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor.

15.3 Setiausaha Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah hendaklah mencatat minit mesyuarat yang dilaksanakan oleh panel dan melengkapkan Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah oleh Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah sebelum diserahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor.

## **BAHAGIAN D**

### **PROSES PELANTIKAN**

#### **16. JAWATANKUASA TADBIR URUS MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR.**

16.1 Jawatankuasa ini boleh memutuskan pelantikan panel pencalonan dan pemilihan peringkat daerah bagi menyemak dan mengenalpasti calon-calon pegawai masjid dan anggota jawatankuasa masjid yang telah dipilih.



16.2 Jawatankuasa ini berperanan untuk menasihati dan mengesyorkan pelantikan anggota Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid kepada MAIS

## **17. TEMPOH LANTIKAN**

17.1 Tempoh pelantikan anggota Jawatankuasa Kariah adalah selama tempoh 3 tahun atau apa-apa tempoh lain yang ditetapkan oleh MAIS.

17.2 Walau bagaimanapun bagi jawatan Nazir, tempoh pelantikannya itu tidak boleh melebihi dua (2) penggal berturut-turut bermula sesi pelantikan 2016 – 2018 kecuali dengan kebenaran Majlis.

## **18. TAULIAH DAN LANTIKAN**

18.1 Setiausaha Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor hendaklah menyediakan senarai anggota Jawatankuasa Kariah yang dilantik untuk disahkan oleh Setiausaha MAIS.

18.2 Setiausaha Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor juga hendaklah menyediakan tauliah pelantikan Pegawai Masjid untuk ditandatangani oleh Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor setelah senarai pelantikan disahkan.

18.3 Setiausaha Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor, setelah mendapat kebenaran daripada Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor boleh mengeluarkan surat pelantikan kepada mana-mana anggota Jawatankuasa Masjid.



## **19. PENGISYTIHARAN PELANTIKAN**

Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya hendaklah membuat pengisytiharan pelantikan anggota Jawatankuasa Kariah bagi setiap masjid di daerah masing-masing mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai.

## **20. SERAH TUGAS**

- 20.1 Nazir, Setiausaha dan Bendahari Jawatankuasa Kariah bagi sesi terdahulu hendaklah melengkapkan Dokumen Serah Tugas (Borang K) seperti yang terkandung dalam Garis Panduan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Negeri Selangor dalam tempoh selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum sesi pelantikan Jawatankuasa Kariah berakhir.
- 20.2 Penyerahan tugas kepada Nazir, Setiausaha dan Bendahari Jawatankuasa Kariah yang baru. hendaklah dibuat selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas pengisytiharan pelantikan dilaksanakan
- 20.3 Sesalinan (Borang K) yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah sebagai rujukan.

## **BAHAGIAN E**

### **PELBAGAI**

## **21. PENGECUALIAN**

Pencalonan atau pemilihan Pegawai Masjid dan anggota Jawatankuasa Masjid yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam garis panduan ini hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor untuk diputuskan sebelum disyorkan untuk kelulusan dalam mesyuarat MAIS.



## 22. PEMANSUHAN

Dengan berkuat kuasanya garis panduan ini maka Garis Panduan Pemilihan Calon Pegawai Masjid oleh Majlis Agama Islam Selangor dan Garis Panduan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Bagi Sesuatu Kariah Masjid Dalam Negeri Selangor sesi Januari 2016 hingga Disember 2018 adalah **dimansuhkan**.

## 23. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini hendaklah mula berkuatkuasa mulai 20 Julai 2018

**(DATO' BAKHTIAR BIN HUSSIN)**

Setiausaha

Majlis Agama Islam Selangor

Tarikh : 16 Julai 2018





**BORANG PENCALONAN PEGAWAI MASJID**

TAHUN \_\_\_\_\_

**DAERAH :**

**MUKIM :**

**NAMA MASJID :**

**TARIKH MESYUARAT :**

**CALON PEGAWAI MASJID**

BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO.TEL.	KELAYAKAN	CATATAN
01	NAZIR						
02	IMAM I						
03	IMAM II						
04	BILAL I						
05	BILAL II						
06	SIAK I						
07	SIAK I						



Disediakan oleh :

-----  
(Setiausaha Masjid)

Tarikh :

Disemak oleh :

-----  
(Nazir Masjid / Pengerusi Mesyuarat)

Tarikh :

Disahkan oleh:

-----  
(Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya)

Tarikh :



**BORANG PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA MASJID**

TAHUN \_\_\_\_\_

**NAMA MASJID :**

**MUKIM :**

**DAERAH :**

**TARIKH MESYUARAT :  
ANGGOTA JAWATANKUASA**

BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO.TEL.	KELAYAKAN	CATATAN
01	TIMBALAN NAZIR						
02	SETIAUSAHA						
03	PENOLONG SETIAUSAHA						
04	BENDAHARI						
05	PENOLONG BENDAHARI						
06	AJK						
07	AJK						



BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO.TEL.	KELAYAKAN	CATATAN
08	AJK						
09	AJK						
10	AJK						
11	AJK						
12	WAKIL PEMUDA						
13	WAKIL MUSLIMAT						
14	PENGURUS JENAZAH MUSLIMAT						

**PEMERIKSA KIRA- KIRA**

01	PEMERIKSA KIRA-KIRA I						
02	PEMERIKSA KIRA-KIRA II						



## NOTA

\*Sekiranya terdapat penambahan jumlah calon, sila buat penambahan kepada ruang yang telah sedia ada.

Disediakan oleh :

-----  
(Setiausaha Masjid)

Tarikh :

Disemak oleh :

-----  
(Nazir Masjid / Pengerusi Mesyuarat)

Tarikh :

Disahkan oleh:

-----  
(Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya)

Tarikh :



**BORANG PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH TAHUN .....  
OLEH PANEL PENCALONAN DAN PEMILIHAN PERINGKAT DAERAH**

**NAMA MASJID :**

**MUKIM :**

**DAERAH :**

**A. PEGAWAI MASJID**

BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO. TEL.	KELAYAKAN	CATATAN
01	NAZIR						
02	IMAM I						
03	IMAM II						
04	BILAL I						
05	BILAL II						
06	SIAK I						
07	SIAK I						



**B. ANGGOTA JAWATANKUASA**

BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO.TEL.	KELAYAKAN	CATATAN
01	TIMB. NAZIR						
02	SETIAUSAHA						
03	PENOLONG SETIAUSAHA						
04	BENDAHARI						
05	PEN. BENDAHARI						
06	AJK						
07	AJK						
08	AJK						
09	AJK						
10	AJK						
11	AJK						
12	WAKIL PEMUDA						



13	WAKIL MUSLIMAT						
14	PENGURUS JENAZAH MUSLIMAT						

**PEMERIKSA KIRA- KIRA**

01	PEMERIKSA KIRA-KIRA I						
02	PEMERIKSA KIRA-KIRA II						

Disediakan oleh :

Disemak Oleh :

-----  
( Unit Pengurusan Masjid Daerah / Setiausaha Panel )

Tarikh :

-----  
( Pegawai Tadbir Agama Daerah / Timb. Pengerusi )

Tarikh :

Disahkan Oleh :

-----  
(Orang Besar Daerah/ Pengerusi Panel)

Tarikh :





**SENARAI PELANTIKAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH  
BAGI TEMPOH .....**

Masjid		Mukim	
Alamat		Daerah	

**PERATURAN 14, 15(1), PERATURAN- PERATURAN MASJID DAN SURAU (NEGERI  
SELANGOR) 2017**

**"Maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kariah masjid bagi sesuatu kariah masjid untuk mentadbir dan menguruskan apa-apa perkara yang berhubungan dengan masjid itu yang terdiri":-**

**PEGAWAI MASJID**

Bil	Nama	No K/P	Jawatan
1.			Nazir
2.			Imam I
3.			Imam II
4.			Bilal I
5.			Bilal II
6.			Siak I
7.			Siak II



### ANGGOTA JAWATANKUASA

Bil	Nama	No K/P	Jawatan
1.			Timbalan Nazir
2.			Setiausaha
3.			Penolong Setiausaha
4.			Bendahari
5.			Penolong Bendahari
6.			AJK
7.			AJK
8.			AJK
9.			AJK
10.			AJK
11.			AJK
12.			WAKIL PEMUDA
13.			WAKIL MUSLIMAT
14.			PENGURUS JENAZAH MUSLIMAT

### PEMERIKSA KIRA- KIRA

15.			PEMERIKSA KIRA-KIRA I
16.			PEMERIKSA KIRA-KIRA II

Senarai Pelantikan Anggota Jawatankuasa Kariah ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Bil ..... yang bersidang pada.....

Disahkan Oleh :

-----  
Setiausaha  
Majlis Agama Islam Selangor

Tarikh :



# GARIS PANDUAN PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR



## **GARIS PANDUAN PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR**

### **1. NAMA**

Garis panduan ini bolehlah dinamakan Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor

### **2. PEMAKAIAN**

Garis panduan ini hendaklah terpakai untuk mendaftarkan ahli kariah masjid dan surau di Negeri Selangor bagi melayakkan kehadiran dan penglibatan dalam Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Khas atau Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Masjid dan Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Khas atau Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau Negeri Selangor.

### **3. LATAR BELAKANG**

- 3.1 Masjid dan surau hendaklah melaksanakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan bagi anggota Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau yang bertanggungjawab mentadbir dan mengimarahkan masjid dan surau. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pemilihan tersebut, setiap masjid dan surau perlu membuat persempadanan bagi memudahkan ahli kariah membuat pendaftaran ahli kariah di masjid atau surau dalam sempadan kariah masing-masing.
- 3.2 Garis panduan ini adalah sebagai panduan dan rujukan kepada seluruh Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Surau bagi tujuan pendaftaran ahli kariah berdasarkan sempadan masjid dan surau yang ditetapkan.



## **4. TUJUAN**

Garis panduan ini diwujudkan dengan matlamat utama untuk –

- (a) Memastikan proses bancian dan pendaftaran daftar ahli kariah yang bermastautin atau bermukim dalam kariah masjid dan surau dapat dikemaskini sebagaimana kehendak peraturan 10(i), 18(l), 20(k), 30(1)(k), 31(i) dan 36(k) Peraturan-peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017.
- (b) Mendaftarkan ahli kariah secara teratur dan sitematik.
- (c) Menjadi rujukan dalam urusan penentuan status ahli kariah dalam Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan bagi anggota Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau

## **5. PENETAPAN AHLI KARIAH**

### **5.1 SYARAT-SYARAT AHLI KARIAH YANG LAYAK BERDAFTAR**

5.1.1 Pendaftaran ahli kariah Masjid / Surau dilaksanakan bagi memenuhi kehendak Peraturan - Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017. Bagi tujuan pendaftaran ahli kariah masjid dan surau, syarat - syarat kelayakan untuk didaftarkan sebagai ahli kariah adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Berumur 18 tahun dan ke atas bagi lelaki dan perempuan.

- iii. Tinggal tetap bermukim dan bermastautin di dalam kariah masjid atau surau sekurang-kurangnya tiga (3) bulan.
- iv. Berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- v. Solat berjemaah di masjid atau surau dalam kariah;
- vi. Membayar zakat fitrah dalam kariah;
- vii. Menunaikan solat hari raya;
- viii. Solat Jumaat dalam kariah masjid;

5.1.2 Ahli kariah surau juga adalah ahli kariah masjid yang di bawah pentadbiran masjid berkenaan.

## **5.2 PENETAPAN SEMPADAN KARIAH ANTARA MASJID DAN ANTARA SURAU**

Bagi menentukan sempadan ahli kariah antara masjid dan surau, Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau hendaklah berpandukan perkara berikut:

- (a) Menggunakan persempadanan yang dipersetujui bersama oleh Pejabat Agama Islam Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah; dan
- (b) Persempadanan tersebut telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor.



## 5.3 PERANAN JAWATANKUASA KARIAH DAN JAWATANKUASA SURAU

5.1.2 Bagi memastikan daftar ahli kariah sentiasa dikemaskini, Jawatankuasa Kariah khususnya Nazir dan Setiausaha dan Jawatankuasa Surau khususnya Pengerusi dan Setiausaha hendaklah mengambil langkah-langkah berikut :

- (a) Hebahan
  - i. Pengumuman berhubung keperluan mengemaskini atau mendaftarkan diri sebagai ahli kariah sebelum solat Jumaat;
  - ii. Pengumuman melalui laman sesawang (*website*) dan media sosial;
  - iii. Edaran borang dan membuat bancian dari rumah ke rumah oleh anggota Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau; atau
  - iv. Mewujudkan apa-apa aplikasi atas talian (*on-line*) yang bersesuaian untuk pendaftaran ahli kariah dengan syarat memenuhi kehendak garis panduan ini.
- (b) Mewujudkan rekod daftar ahli kariah.
- (c) Mengemaskini rekod daftar ahli kariah secara berkala dua (2) kali setahun.
- (d) Mempamerkan senarai nama ahli kariah Masjid mengikut abjad dalam tempoh 30 hari atau selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Khas atau Mesyuarat



Agung Khas bagi Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa bagi Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Surau di Negeri Selangor.

#### **5.4 KAEDAH PENDAFTARAN AHLI KARIAH**

Berikut adalah tatacara pendaftaran ahli kariah:

- (a) Ahli kariah mengisi borang pendaftaran ahli kariah masjid dan surau Negeri Selangor.
- (b) Ahli kariah memohon perakuan pengesahan ahli kariah oleh :
  - i. Pengerusi JKKK / Ketua Kampung / Pengerusi Jawatankuasa Penduduk
  - ii. Nazir Masjid / Pengurus Masjid / Pengerusi Surau.
- (c) Mengembalikan borang pendaftaran ahli kariah yang lengkap kepada Setiausaha Jawatankuasa Kariah atau Setiausaha Jawatankuasa Surau.
- (d) Mesyuarat Jawatankuasa kariah atau Jawatankuasa Surau menentukan kelulusan pendaftaran ahli kariah.
- (e) Ahli kariah yang telah berdaftar di bawah kariah surau yang terletak di bawah seliaan mana-mana masjid, adalah diterima sebagai ahli kariah masjid yang berkenaan.
- (f) Jawatankuasa Kariah atau Jawatankuasa Surau hendaklah memaparkan senarai terkini ahli kariah untuk semakan dan makluman kepada ahli kariah.





## **5.5 LUCUT KEAHLIAN SEBAGAI AHLI KARIAH**

Status keahlian ahli kariah boleh lucut atau hilang atas alasan yang berikut:

- i. Tidak bermastautin atau bermukim di dalam kariah berkenaan.
- ii. Meninggal dunia.
- iii. Gila

## **5.6 BANTAHAN / ADUAN / KECICIRAN**

5.6.1 Mana-mana pihak boleh mengemukakan bantahan, aduan atau memaklumkan kecaciran senarai dalam rekod daftar kariah disebabkan alasan yang dinyatakan dalam Garsi Panduan 5.5 mengikut tatacara yang berikut:

- i. Mengemukakan bantahan kepada Nazir Masjid / Pengerusi Surau secara bertulis.
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Kariah Masjid atau Surau menentukan penerimaan atau penolakan sesuatu bantahan / aduan dalam tempoh 7 hari dari tarikh bantahan atau aduan diterima.

5.6.2 Senarai daftar ahli kariah hendaklah dikemaskini setelah keputusan dibuat oleh Jawatankuasa Kariah Masjid atau Surau .



## 6. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini hendaklah berkuat kuasa mulai 20 Julai 2018

## 7. PEMANSUHAN

Dengan berkuat kuasanya garis panduan ini maka Garis Panduan Penetapan Status Ahli Kariah Masjid Dan Surau Negeri Selangor yang telah dikeluarkan pada Ogos 2015 adalah **dimansuhkan**.

**(DATO' BAKHTIAR BIN HUSSIN)**

Setiausaha

Majlis Agama Islam Selangor

Tarikh : 16 Julai 2018

